

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023**

**BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

**1103/2 (PP)**

**Peraturan Pemarkahan**

**Kertas 2**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta JPN Melaka**.  
Kegunaannya khusus untuk pemeriksa Bahasa Melayu Kertas 2 sahaja

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak

**Markah Penuh : 100 markah**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 1**

- ❖ Berikan 1 markah bagi setiap kata hubung yang betul.
- ❖ Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata hubung tersebut.
- ❖ Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- ❖ Sekiranya beberapa kata hubung telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- ❖ Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
- ❖ Calon menyalin keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
- ❖ Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
- ❖ Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
- ❖ Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
- ❖ Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / tanda baca / jalan bahasa daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 – Morfologi**

- (i) dan
- (ii) sejak
- (iii) yang
- (iv) serta
- (v) untuk

**[Maksimum : 8 markah]**

**Soalan 2 – Sintaksis**

- (i) Kek lapis ini selalu dihidangkan semasa perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai Dayak, Tahun Baharu Cina, dan Krismas.
- Subjek : Kek lapis ini 1
- Predikat : selalu dihidangkan semasa perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai Dayak, Tahun Baharu Cina, dan Krismas 1
- (ii) Pembuat kek lapis Sarawak telah melakukan pelbagai inovasi dari segi rasa dan rupa agar kek ini terus mendapat sambutan daripada pelanggan.
- Subjek : Pembuat kek lapis Sarawak 1
- Predikat : telah melakukan pelbagai inovasi dari segi rasa dan rupa agar kek ini terus mendapat sambutan daripada pelanggan 1
- (iii) Pihak Malaysian Agricultural Research and Development (MARDI) juga membantu para usahawan dengan menghasilkan mesin bagi meningkatkan pengeluaran kek lapis Sarawak.
- Subjek: Pihak Malaysian Agricultural Research and Development (MARDI) juga 1
- Predikat: membantu para usahawan dengan menghasilkan mesin bagi meningkatkan pengeluaran kek lapis Sarawak 1

**[Maksimum : 6 markah]****Soalan 3 – Penyuntingan****Bahan 1**

- (i) lenyap - hilang
- (ii) pesakit alami - dialami oleh pesakit
- (iii) kemalangan - kemalangan
- (iv) mengembang - berkembang
- (v) Lama kelamaan - Lama – kelamaan
- (vi) baru - baharu

**[Maksimum : 6 markah]**

**Bahan 2**

- (i) tranfusi – transfusi
- (ii) mengekal – mengekalkan
- (iii) walaubagaimanapun – walau bagaimanapun
- (iv) pada – kepada
- (v) tairoid – tiroid
- (vi) hidup - hayat

[Maksimum : 5 markah]

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <b>tidak</b> mengikut urutan	0

**Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, lalu baginda mangkat. Kemudian anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itu menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelaran baginda sebagai pemerintah kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda sewaktu / semasa menaiki takhta kerajaan itu ialah dua puluh tujuh tahun. Kemudian baginda berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan mempunyai anak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.

[Maksimum : 4 markah]

**Soalan 5 – Peribahasa**

- (i) seperti rusa masuk kampung 2
- (ii) masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak 2
- (iii) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri 2

[Maksimum : 6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

**Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

- ❖ Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
- ❖ Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
- ❖ Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
- ❖ Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan soalan pemahaman****1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

**2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

**3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

**Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum****Markah****(i) Maksud fasa perubahan**

- tahap / peringkat peralihan 2
- tahap / peringkat *perubahan* 1
- *fasa* peralihan 1

**(ii) Cabaran tugas****Bahan 1**

- P1 terpaksa berhadapan dengan beberapa perkara seperti terdedah dengan cabaran untuk disaman melalui undang-undang daripada pihak keluarga pesakit
- P2 berisiko ditempatkan di bahagian atau jabatan yang kurang diminati demi mengisi kekosongan

**Bahan 2**

- P3 jururawat terpaksa memakai *Personal Protective Equipment* (PPE) berjam-jam
- P4 jururawat juga terpaksa berhadapan dengan pesakit dan pihak keluarga pesakit yang beraneka ragam

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2****[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Ciri-ciri**

- P1 berdisiplin tinggi
- P2 sanggup berkorban masa dan tenaga
- P3 tahap kesabaran yang tinggi
- P4 berbudi pekerti tinggi / berbudi bahasa
- P5 keterampilan diri yang menarik
- P6 tahap kecergasan yang baik / berilmu pengetahuan
- P7 bersifat kemanusiaan yang tinggi
- P8 berani menghadapi cabaran
- P9 bersedia untuk belajar

**(Ciri lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

(iv) **Tindakan-tindakan**

- P1 memberi nasihat / menggalakkan rakan / memberi motivasi
- P2 mengajak rakan mengulang kaji pelajaran / latih tubi / belajar secara berkumpulan
- P3 membawa rakan berjumpa dengan kaunselor / guru
- P4 meminjamkan / membelikan buku rujukan
- P5 menyertai webinar / teknik menjawab / motivasi/ kecemerlangan / kelas tambahan / tuisyen

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

**Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera**(i) **Maksud lantang membidas**

- berani / kuat / nyaring bersuara / mengkritik /mengecam 2
- berani / kuat / nyaring *membidas* 1
- *lantang* mengkritik / bersuara/ mengecam 1

(ii) **Sikap-sikap negatif****Bahan 1**

P1 orang Melayu yang sanggup diperalat Parti Komunis Malaya

P2 sanggup menjual agama dan bangsa kepada komunis

**Bahan 2**

P3 orang Melayu lebih suka tangkap ikan

P4 duduk di warung kopi

P5 mengelamun tidak menentu

**Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

**(iii) Langkah-langkah kerajaan**

- P1 mempersiapkan sistem ketenteraan negara yang kukuh
- P2 menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar
- P3 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyekat laman-laman sesawang yang membawa ancaman terhadap negara
- P4 kerajaan mengenakan tindakan undang-undang dan hukuman terhadap golongan yang mengancam kedaulatan negara

**(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**(iv) Aktiviti-aktiviti**

- P1 menghiasi kelas / kawasan persekitaran sekolah dengan Jalur Gemilang
- P2 mengadakan pameran / ceramah kemerdekaan
- P3 mengadakan konvoi kemerdekaan
- P4 memperagakan pakaian bertemakan kebangsaan
- P5 mewujudkan sudut bacaan / perpustakaan mini bertemakan patriotisme
- P6 menyediakan/ mengedarkan brosur mengenai tokoh kemerdekaan
- P7 menggunakan nama-nama tokoh untuk jalan / kelas-kelas
- P8 menganjurkan pertandingan melukis poster / mencipta sajak / syair/ pantun/ laungan merdeka

**(Aktiviti lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**



**Soalan 8 – Pemahaman Petikan Novel****(i) Kelebihan-kelebihan Alia**

- P1     begitu lancar  
P2     tenang  
P3     betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan  
P4     kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip  
P5     dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata

**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]****Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)****(ii) Soalan novel : 6 markah**

- (i)     Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
(ii)     Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii)     Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul. (P1)  
(iv)     Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa. (H1)  
(v)     Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)  
(vi)     Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh  
         Baik     :     2 markah  
         Lemah    :     1 markah  
(vii)     Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.  
(viii)     Calon tidak menjawab, 0 markah

**[Maksimum : 6 markah]**

**NOVEL PANTAI KASIH**

- Peristiwa:** Peristiwa Doktor Raiha iaitu seorang pakar bedah yang tabah menghadapi konflik dan tekanan setelah kematian anak tunggal kesayangannya yang terkorban dalam satu kebakaran kereta akibat perbuatan Doktor Sadiz yang tidak dapat mengawal perasaan marahnya.

**Huraian:** Peristiwa ini memperlihatkan / menggambarkan ketabahan seorang wanita dalam menghadapi cabaran hidup.
- Peristiwa:** Peristiwa Unong Siron yang sabar dan tabah menerima rawatan penggantian sendi pinggulnya walaupun terpaksa menjalani operasi pembedahan sebanyak enam kali. Pembedahan yang dijalankan oleh Doktor Uwang sebanyak lima kali tidak berjaya sehinggalah pembedahan kali keenam yang diambil alih oleh Doktor Raiha baru membuahkan kejayaan.

**Huraian:** Peristiwa ini memperlihatkan / menggambarkan ketabahan seorang pesakit yang terpaksa berhadapan dengan pembedahan yang dijalankan berulang kali.
- Peristiwa:** Peristiwa Doktor Raiha yang tabah berhadapan dengan bantahan bapa kandungnya terhadap kerjaya pilihannya. Bapanya berpandangan bahawa kerjaya sebagai pakar bedah tidak sesuai untuk seorang wanita.

**Huraian:** Peristiwa ini memperlihatkan / menggambarkan ketabahan seorang anak dalam menghadapi tentangan bapa kandungnya dalam mengejar cita-citanya.

**NOVEL BIMASAKTI MENARI**

- Peristiwa:** Peristiwa Nurul Hafsa yang tabah berhadapan dengan sikap Dato Johan Arlington yang menentang melaksanakan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang dirancang olehnya bersama Muhammada Taufik dalam usaha mereka untuk melestarikan alam sekitar di Kuala Selangor.

**Huraian:** Peristiwa ini memperlihatkan / menggambarkan ketabahan seorang pegawai sains yang terpaksa berhadapan dengan sikap individu yang tidak menyokong usahanya dalam melestarikan alam sekitar.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Muhammada Taufik yang tabah menjalani hidup tanpa seorang ibu di sisinya setelah berlaku penceraian antara Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham disebabkan ingin mengikut kemahuan dan cita-cita masing-masing.

**Huraian:** Peristiwa ini memperlihatkan / menggambarkan ketabahan seorang anak yang terpaksa hidup tanpa kasih sayang seorang ibu di sisinya.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Muhammad Taufik yang tabah dan sanggup memenuhi arahan kumpulan samseng yang menculik Nurul Hafsa.

**Huraian:** Peristiwa ini memperlihatkan / menggambarkan ketabahan seorang sahabat yang berhadapan dengan cabaran dalam usaha menyelamatkan rakan baiknya.

**[ Terima mana-mana peristiwa dan huraian yang rasional ]**

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 *markah*]

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

**(a) Isi [20 markah]****Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- ✓ nama khas
- ✓ perkataan berganda
- ✓ penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- ✓ tarikh
- ✓ angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- ✓ gelaran
- ✓ penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bahagian Isi Diterima					Markah Maksimum
<b>(i) Pendahuluan</b>							2
<b>(ii) Isi Bahan 1</b>							16
Fokus 1 (keburukan / implikasi / akibat)	5	2	1	1	2	2	
Fokus 2 (langkah/cara / usaha )	3	1	2	1	2	2	
<b>(iii) Isi Bahan 2</b>							
Fokus 1 (keburukan / implikasi / akibat)	5	3	3	3	2	3	
<b>(iv) Isi Bahan 3</b>							8
Fokus 2 (langkah/cara / usaha )	4	2	2	3	2	1	
<b>Jumlah Isi</b>	17	8	8	8	8	8	
<b>(v) Penutup / Kesimpulan</b>							2
<b>Jumlah Markah</b>							<b>20</b>

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>8-10 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik</li> <li>▪ Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>▪ Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
<b>Baik</b>	<b>5-7 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesenambungan ayat baik</li> <li>▪ Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>▪ Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li> <li>▪ Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li> </ul>

<b>Sederhana</b>	<b>3-4 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik</li> <li>▪ Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>▪ Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li> <li>▪ Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
<b>Lemah</b>	<b>1-2 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami.</li> </ul>

**Nota:**

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum : 10 markah]****Pendahuluan [2 markah]**

- P1 ... membincangkan kesan negatif / keburukan / implikasi / impak / akibat buli siber dan langkah / cara / usaha mengatasi buli siber. 2
- P2 ... membincangkan kesan negatif / keburukan / implikasi / impak / akibat buli siber. 1
- P3 ... membincangkan langkah / cara / usaha mengatasi buli siber. 1

**Isi [16 markah]****Fokus 1 - kesan negatif / keburukan / implikasi / impak / akibat buli siber****BAHAN 1**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| A1 | boleh menyebabkan mangsa rasa dimalukan, dipandang hina dan menjatuhkan maruah mereka serta keluarga | 2 |
| A2 | boleh menyebabkan mangsa mengalami tekanan atau kemurungan   | 2 |
| A3 | mewujudkan unsur kebencian dan merenggangkan silaturahim   | 2 |
| A4 | mangsa akan berdendam dengan si pembuli siber  | 2 |
| A5 | menyebabkan seseorang hilang punca pendapatan dan menjatuhkan karier seseorang                       | 2 |
| A6 | akan melakukan tindakan membunuh diri  | 2 |

**BAHAN 2**

- |    |                                 |   |
|----|---------------------------------|---|
| B1 | tekanan perasaan                | 2 |
| B2 | tidak yakin dengan diri sendiri | 2 |
| B3 | Tidak bergaul dan menyendiri    | 2 |

**Fokus 2 - langkah / cara / usaha mengatasi buli siber****BAHAN 1**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| C1 | melaporkannya atau menghubungi pihak polis         | 2 |
| C2 | meminta pertolongan daripada orang yang dipercayai | 2 |
| C3 | melaporkan kepada pihak polis                      | 2 |

**BAHAN 3**

- |    |                                   |   |
|----|-----------------------------------|---|
| D1 | kurangkan penggunaan media sosial | 2 |
| D2 | melaporkan kepada pihak berkuasa  | 2 |

**KESIMPULAN**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, buli siber perlu ditangani agar keharmonian hidup masyarakat tetap terjamin | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, buli siber perlu ditangani  | 1 |
| K3 | Kesimpulannya, semua pihak perlu membantu menangani buli siber                             | 0 |

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**